

# Garis Panduan Untuk Melaporkan Kes Bunuh Diri secara Beretika dan Bertanggungjawab

CENTRE FOR  
**INDEPENDENT**  
  
**JOURNALISM**  
Advocating Media Freedom and Access to Information

DENGAN KERJASAMA  
**Befrienders**  
Kuala Lumpur



# Kebimbangan dan keresahan sekitar wabak COVID-19 di Malaysia telah memberi kesan buruk kepada keadaan kesihatan mental dan fizikal kebanyakan rakyat.

**631**

kes bunuh diri dilaporkan kepada polis pada tahun 2020 berbanding **609** kes pada tahun sebelumnya.

**Jan - Mei 2021,**  
polis melaporkan terdapat sebanyak  
**468 kes bunuh diri.**

Befrienders KL menerima

**10412**

panggilan antara Mac hingga Mei 2021, iaitu kenaikan sebanyak 52% daripada **6858** panggilan antara Mac hingga Mei tahun lepas.

**1,080**


kes cubaan bunuh diri dilaporkan pada tahun 2020.



# CONTOH BAIK - LAPORAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

**Mental health awareness on the rise**

Thursday, 12 Aug 2021



Help is just a phone call away for people suffering from depression and mental anxiety. — Filepic

MANY Malaysians are finding it difficult to cope with mental health issues such as depression, anxiety, isolation and family problems, which have been exacerbated by the Covid-19 pandemic.

But thanks to efforts from non-governmental health organisations and volunteer groups, there is now a greater awareness about the issue and the stigma of reaching out for help is slowly eroding.

This can be seen through the increase in the number of calls to volunteer support group Befrienders Johor Baru.

According to its president Danny Loo, calls to Befrienders Johor Baru totalled 1,837 for the first six months of the year, despite the centre having to suspend operations twice because of the Covid-19 pandemic.

Thursday, 12 Aug 2021

**Support helpline**

Befrienders Malaysia  
Johor Baru: 07-267 0707  
Kuala Lumpur: 03-7627 2929

For full list of numbers nationwide and operating hours visit:  
[befrienders.org.my/  
centre-in-malaysia](http://befrienders.org.my/centre-in-malaysia)

Malaysian Mental Health Association (MMHA)  
03-2780 6803

Mental Health Psychosocial Support Service  
03-2935 9935 or  
014-322 3392

Talian Kasih  
**15999 or 019-261 5999**  
on Whatsapp

Department Of Islamic Development Malaysia's (Jakim) Family, Social And Community Care Centre  
**0111-959 8214**  
on Whatsapp

Women's Aid Organisation (WAO)  
**+603 7956 3488**

- Tidak meletakkan gambar atau imej bergrafik.
- Tidak mendedahkan nama mangsa.
- Meningkatkan kesedaran berkenaan pembentukan idea bunuh diri dan langkah-langkah pencegahannya.
- Menyampaikan mesej positif bagi menjelaskan bahawa ada bantuan disediakan.
- Menyertakan talian bantuan yang sesuai.
- Tidak menyatakan dengan jelas kaedah khusus yang digunakan oleh mangsa.



# CONTOH TIDAK BAIK - LAPORAN KES BUNUH DIRI YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

The image displays two news articles from Malaysian media. The left article, titled 'Lelaki murung maut jatuh tingkat 10 pangsapuri' (Man commits suicide by falling from 10-story building), shows a photograph of a man lying on the ground near a building, with a red circle highlighting the building's edge. The right article, titled 'Rugi dalam perniagaan, lelaki terjun dari tingkat 10' (Business loss, man jumps from 10th floor), shows a photograph of a man jumping from a building. Both articles include text descriptions and other news snippets.

- Kedua-dua artikel berita mengandungi gambar grafik mangsa sewaktu dalam cubaan membunuh diri atau selepas kejadian (gambar tersebut dikaburkan pihak kami).
- Mengandungi spekulasi akan ‘sebab’ kejadian bunuh diri ini tanpa mengakui keadaan sebenar kerana gejala bunuh

- diri boleh disebabkan oleh faktor-faktor yang berbeza dan jalinan yang kompleks buat setiap individu.
- Artikel tersebut tidak menyatakan sebarang maklumat yang bermanfaat berkenaan dengan gejala bunuh diri atau talian bantuan yang sesuai untuk memberi sokongan.

# MENGAPA LAPORAN KES BUNUH DIRI YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BERMASALAH?



## Penyebarluasan gejala bunuh diri

Kisah-kisah berkenaan dengan kes bunuh diri dalam kalangan selebriti, tajuk berita yang menyatakan maklumat berkenaan dengan kaedah yang digunakan, serta kenyataan yang menggambarkan tiada jalan penyelesaian, kesemua ini mampu menyumbang ke arah penyebarluasan gejala bunuh diri atau peniru bunuh diri.

Misalnya, peminat-peminat bintang K-Pop Kim Jong-hyun menulis kepada Befrienders KL menyatakan bagaimana kematian ahli muzik tersebut telah menjaskan emosi mereka.

## Menerbitkan paparan imej yang traumatis

Befrienders KL banyak menerima maklum balas berkenaan ramai yang terganggu emosi mereka selepas membaca atau melihat paparan imej dalam berita atau media sosial berkenaan gejala bunuh diri.

# MENGAPA LAPORAN BUNUH DIRI YANG BERETIKA DAN BERTANGGUNGJAWAB PENTING?


---



'Kesan Papageno' menunjukkan pengaruh media massa pada masyarakat melalui laporan gejala bunuh diri dan memaparkan alternatif menolak gejala bunuh diri sewaktu berdepan dengan krisis. Kisah-kisah yang bertemakan harapan dan pengalaman sebenar boleh membantu mengurangkan kadar bunuh diri.

*Nota: Kesan ini dinamakan bersempena watak dalam opera Mozart, "The Magic Flute" di mana watak ini sedang mempertimbangkan untuk membunuh diri namun tidak dilakukannya selepas watak-watak lain memberi alternatif lain untuk beliau melawan keresahannya.*

---



Laporan beretika berupaya untuk mengiktiraf masalah yang ada serta menyebarkan mesej positif kepada individu yang bergelut dengan idea bunuh diri. Terdapat pelbagai platform untuk membantu mereka berdepan dengan kesengsaraan emosi dan fizikal yang mereka alami.



Bagi masyarakat umum, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran bagi gejala bunuh diri dan membantu mereka yang memerlukan melalui pendekatan dan mesej yang tepat.

# BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT LIPUTAN BERETIKA?

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan garis panduan laporan beretika bagi kes bunuh diri berdasarkan cadangan-cadangan daripada garis panduan “Laporan Media berkenaan Kes Bunuh Diri” yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

## PERLU DIBUAT

 Sentiasa **pastikan “mesej harapan” disertakan** dalam laporan berita seperti menyebutkan mereka yang berjaya pulih daripada krisis bunuh diri.

 Bekerjasama dengan pihak polis dan badan kesihatan dalam mendedahkan sesuatu maklumat.

 Mesti **menyediakan sumber-sumber sokongan atau talian bantuan** dalam

paparan berita, video atau klip audio.

 Media atau organisasi berita harus memastikan kakitangan mereka **mematuhi dengan ketat garis panduan untuk laporan beretika bagi kes bunuh diri**.

 Meninjau kesemua video dan audio dan membuang **elemen-elemen negatif yang menunjukkan tindakan bunuh diri**.

# JANGAN DIBUAT

 **JANGAN** terbitkan gambar-gambar (terutamanya paparan grafik) mangsa atau tempat kejadian, gambar atau video perilaku bunuh diri atau nota bunuh diri.

 **JANGAN** menerbitkan nama mangsa, melainkan ianya sangat perlu. Dalam KESEMUA KEADAAN, pastikan "mesej harapan" dan pandangan profesional berkenaan bunuh diri diselitkan.

 **JANGAN** terbitkan laporan kes bunuh diri sebagai paparan utama.

 **JANGAN** melaporkan maklumat khusus berkenaan kaedah yang digunakan.

 **JANGAN** menggunakan stereotaip budaya atau kaum dalam kandungan filem, video, drama, atau audio berkenaan dengan bunuh diri.

 **JANGAN** gunakan istilah seperti "memilih untuk membunuh diri" atau "berjaya membunuh diri". **GUNAKAN** istilah yang lebih sesuai seperti "kematian disebabkan bunuh diri" bagi mengurangkan stigma dan tekanan buat ahli keluarga mangsa.

 **JANGAN** gunakan kenyataan-kenyataan sensasi yang tidak mempunyai asas fakta dalam kajian empirikal, misalnya melabelkan gejala bunuh diri sebagai satu wabak dalam masyarakat.

# **SEKIRANYA ANDA MEMERLUKAN BANTUAN ATAU SOKONGAN, SILA HUBUNGI:**

- Befrienders Kuala Lumpur (03-7627 2929 atau <https://www.befrienders.org.my/> untuk senarai penuh nombor talian dan waktu operasi)
- Mental Health Psychosocial Support Service (03-2935 9935 atau 014-322 3392)
- Talian Kasih (15999 or WhatsApp 019-261 5999)
- Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) JAKIM (WhatsApp 0111-959 8214)
- Sekiranya anda memerlukan bantuan profesional, sila layari <https://people.my/the-ultimate-guide-to-receiving-mental-health-services-in-malaysia/> untuk panduan bagi mendapatkan servis kesihatan mental di Malaysia.

# RUJUKAN

## THE BEFRIENDERS KUALA LUMPUR Guidelines for Reporting on Suicides

---

## MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA Guidelines for Media Reporting on Suicide, 2011

CENTRE FOR  
**INDEPENDENT  
JOURNALISM**



Advocating Media Freedom and Access to Information

**CIJ MALAYSIA**

🌐 <https://cijmalaysia.net/>

🐦 @CIJ\_Malaysia

fbe @CIJ.MY

📷 @cij\_malaysia



**BEFRIENDERS KL**

🌐 <https://www.befrienders.org.my/>

🐦 @BefriendersKL

fbe @BefriendersKL

📷 @befrienderskl